

LAPORAN TAHUNAN

2024



*Perpustakaan Tun Abdul Razak
UiTM Cawangan Perak*

LAPORAN TAHUNAN 2024

*Perpustakaan Tun Abdul Razak
UiTM Cawangan Perak*



PENAFIAN

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Universiti Teknologi MARA (UiTM) tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerugian secara langsung atau tidak langsung yang dialami kerana menggunakan atau mengakses mana-mana maklumat, perkhidmatan dan perkara-perkara lain yang diperoleh dari laporan ini.

Mana-mana bahagian dalam laporan ini yang ingin diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk hendaklah mendapat keizinan daripada Perpustakaan Tun Abdul Razak terlebih dahulu.

Laporan tahunan akan diterbitkan secara tahunan / setahun sekali.

Diterbitkan oleh:

Perpustakaan Tun Abdul Razak
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak
Kampus Seri Iskandar
32610 Seri Iskandar, Perak

TERBITAN PERTAMA 2024
EISSN

© HAK CIPTA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, 2024



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDDIN

TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN KANAN

KETUA EDITOR

MUHAMAD AZIM A'NSORI

PUSTAKAWAN

BARISAN EDITOR

NUR AQILAH RUSSLI

PUSTAKAWAN KANAN

NURUL ANNIS ANUAR

PEMBANTU PUSTAKAWAN KANAN

MOHD AZHARI MAAROP

PEMBANTU PUSTAKAWAN KANAN

AHMAD AZMIL REZA ISMAIL

PEMBANTU PUSTAKAWAN KANAN

ISI KANDUNGAN

01 PROFIL PERPUSTAKAAN

08 PENGURUSAN
PERPUSTAKAAN

13 PEMBANGUNAN SUMBER
RUJUKAN UNIVERSITI

17 PERKHIDMATAN
PERPUSTAKAAN

39 PENDIGITALAN
PERPUSTAKAAN

44 REKOD & ARKIB UNIVERSITI

62 LAWATAN

76 KOLABORASI

81 PENERBITAN

84 KERATAN AKHBAR

PERUTUSAN

TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN KANAN

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita berjaya mengakhiri tahun ini dengan pencapaian yang amat membanggakan. Dalam kesempatan yang mulia ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga Perpustakaan UiTM Cawangan Perak atas komitmen, dedikasi, dan kerjasama yang tiada bandingannya sepanjang tahun ini.

Sebagai sebuah institusi yang sentiasa berusaha untuk memajukan ilmu pengetahuan, perpustakaan kita telah memperkenalkan pelbagai inisiatif baharu yang dirancang khusus untuk memenuhi keperluan pengguna. Peningkatan koleksi bahan bacaan, penerapan teknologi terkini dalam pengurusan maklumat, serta penganjuran program pendidikan dan sokongan untuk komuniti, adalah antara langkah-langkah proaktif yang diambil bagi memastikan perpustakaan kita terus relevan dan berdaya saing dalam era digital masa kini.


Laporan tahunan ini bukan sahaja memperlihatkan pencapaian yang telah kita raih, tetapi juga memberi refleksi mengenai cabaran yang dihadapi dan bagaimana kita menanganinya. Ia turut menjadi panduan terbaik untuk merangka strategi masa depan, sekali gus memperkukuhkan usaha kita untuk terus berinovasi dan memperbaiki perkhidmatan yang disediakan kepada semua pengguna.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan padu, kerjasama yang erat, dan komitmen tanpa henti dalam memastikan kejayaan perpustakaan ini. Semoga kita terus maju dalam memperkasa ilmu pengetahuan dan menyampaikan perkhidmatan yang lebih cemerlang pada masa hadapan.

Terima kasih.



SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN
TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN KANAN



**"ILMU ADALAH CAHAYA YANG
MENERANGI AKAL DAN JIWA,
MEMBIMBING MANUSIA
KEPADA KEBENARAN DAN
MAKNA KEHIDUPAN."**

PROF. DR. SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS

PROFIL PERPUSTAKAAN

SEJARAH



Bahagian Perpustakaan telah memulakan perkhidmatan pada Januari 1985 seiring dengan penubuhan ITM Cawangan Perak di Seri Manjung. Pada Januari 1997, Bahagian Perpustakaan telah berpindah ke kampus tetap di Seri Iskandar dan ditempatkan sementara di aras bawah bangunan Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur (FSPU).

Pada April 2003, Bahagian Perpustakaan telah beroperasi di bangunan baru 3 tingkat bersama Unit ILQAM. Pada Mei 2013, pengubahsuaian telah dilakukan dan keseluruhan bangunan perpustakaan menjadi milik Bahagian Perpustakaan sepenuhnya. Bangunan ini boleh memuatkan seramai 700 pengguna dalam satu masa.

DASAR

Dasar Perpustakaan UiTM adalah memenuhi matlamat pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan inovasi & pengkomersialan, akademik industri & masyarakat, kepimpinan dan keusahawanan menerusi pengurusan perpustakaan, pembangunan sumber ilmu, perkhidmatan perpustakaan, repositori institusi universiti dan arkib universiti bagi mencapai hala tuju strategik universiti.

MISI

Pemangkin kepada warga UiTM yang berilmu melalui pengaksesan maklumat yang komprehensif, relevan dan terkini serta kemudahan yang berkualiti bagi tujuan memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.

OBJEKTIF

- Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan perpustakaan UiTM sebagai pusat kecemerlangan maklumat yang sentiasa kekal relevan, dirujuk dan dihormati.
- Mempelbagai sumber ilmu yang komprehensif, terkini dan relevan meliputi pelbagai format yang dapat diakses secara fizikal dan maya.
- Menyediakan kemudahan persekitaran yang kondusif untuk pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.
- Menambah baik kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi terkini yang berfokuskan kepada keperluan pelanggan.
- Memperkasakan modal insan melalui nilai ESI (*Excellence, Synergy, Integrity*) dalam kalangan warga UiTM.
- Meningkatkan hubungan dan kerjasama dengan organisasi luar dalam kegiatan jaringan industri.



PIAGAM PELANGGAN

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1

Memastikan permohonan **Book Delivery Service** (yang berjaya) dibekalkan dalam tempoh **tiga (3) hari bekerja**.

2

Memastikan bahan **Pinjaman Antara Perpustakaan** (yang berjaya) dibekalkan dalam tempoh **dua (2) minggu** dari tarikh permohonan.

3

Memastikan **Aduan dan Maklumbalas Pelanggan** diberi maklumbalas dalam tempoh **satu (1) hari bekerja**.

4

Memastikan permohonan rujukan **bahan Arkib Universiti** tersedia dalam tempoh **tiga (3) hari bekerja**.

5

Memastikan **Portal Perpustakaan Digital** dapat diakses **24/7** oleh pelanggan.

6

Memastikan **status kelulusan cadangan perolehan bahan baharu** (buku bercetak/ jurnal bercetak/ eBook/ PDAT/ eJournal) dimaklumkan kepada pencadang dalam tempoh **tujuh (7) hari bekerja**.

TS. HAJI AZIZI BIN HAJI JANTAN
KETUA PUSTAKAWAN
PERPUSTAKAAN UTM

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Bil.19/2024 18 Nov 2024

UTM اوسها، تقوى، موليا



OBJEKTIF KUALITI

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1

Memastikan **85%** Warga Universiti menggunakan Perpustakaan Digital UTM.

2

Memastikan Kepuasan Hati Pelanggan mencapai **90%**.

3

Memastikan Pemilikan Bahan Silibus **100%** di dalam Koleksi Sumber Rujukan.

4

Memastikan kepakaran bidang staf perpustakaan dirujuk melalui jemputan perkongsian ilmu sebanyak **24 kali setiap tahun**.

5

Memastikan **800 ribu** pengunjung Perpustakaan UTM menggunakan perkhidmatan fizikal Perpustakaan UTM.

6

Memastikan **100%** Koleksi Arkib yang didaftarkan boleh diakses melalui Online Finding Archive (OFA).

TS. HAJI AZIZI BIN HAJI JANTAN
KETUA PUSTAKAWAN
PERPUSTAKAAN UTM


Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Bil.19/2024 18 Nov 2024

UTM اوسها، تقوى، موليا

CARTA ORGANISASI SERI ISKANDAR




CARTA ORGANISASI PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PERAK KAMPUS SERI ISKANDAR



CARTA ORGANISASI TAPAH



CARTA ORGANISASI PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PERAK KAMPUS TAPAH





PENGURUSAN

PTAR PERAK

**Siti Basriyah
Shaik Baharudin**

Timbalan Ketua
Pustakawan Kanan

**Nur Aida
Rousli**

Pustakawan Kanan

**Nur Aqilah
Russli**

Pustakawan Kanan

**Nur Dayana
Mohd Narwawi**


Pustakawan

**Muhamad Azim
A'nsori**

Pustakawan

**Aizu Hakimi
Mohd Adnan**

Pustakawan



**"ILMU ADALAH KUNCI KEPADA
KEJAYAAN SESEBUAH
BANGSA. TANPA ILMU, KITA
AKAN SENTIASA
KETINGGALAN."**

TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

PENGURUSAN PERPUSTAKAAN

MODEL PERANCANGAN STRATEGIK PERPUSTAKAAN 2024

PEMBUDAYAAN ILMU									
STRATEGIC GOAL	UiTM : GLOBALLY RENOWNED ; COMMUNITY AND LOCALLY ROOTED								
STRATEGIC THRUSTS	QUALITY EDUCATION			GLOBAL EXCELLENT		VALUE DRIVEN PERFORMANCE			
STRATEGIC THEMES	EDUCATION 5.0	ENTREPRENEURIAL & WELL BALANCED GRADUATE	WIDENED ACCESS	TRANSLATIONAL RESEARCH DEVELOPMENT, INNOVATION & COMMERCIALISATION	INDUSTRY, COMMUNITY & ALLUMNI SMART PARTNERSHIP	TALENT EXCELLENT	AGILE GOVERNANCE	SMART CAMPUS	SUSTAINABLE FUNDING
7 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	KPI 1: Peratus Pemilikan Bahan Silibus Universiti KPI 2: Bilangan Rekod Penting Universiti KPI 3: Bilangan Bahan Bacaan yang dirujuk			KPI 4: Bilangan Ketampakan Bahan Repositori Institusi KPI 5: Bilangan Penyertaan Program Budaya Ilmu		KPI 6: Peratus Penggunaan Perkhidmatan Personalised Perpustakaan Digital KPI 7: Peratus Kepuasan Bekerja Staf Perpustakaan UiTM			
	PI 1: Bilangan Libat Urus Bersama Program Pengajian Universiti PI 2: Bilangan Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib Bersama Pusat Tanggungjawab PI 3: Bilangan Judul Baharu Sumber Rujukan Universiti PI 4: Bilangan Pengunjung Fizikal Perpustakaan PI 5: Bilangan Muat Turun Bahan Digital Perpustakaan UiTM PI 6: Bilangan Pengunjung Maya Perpustakaan			PI 7: Bilangan Muat Naik Bahan Repositori Institusi PI 8: Bilangan Penyertaan Kerjasama Komuniti Perpustakaan PI 9: Bilangan Penyertaan Program Literasi Maklumat PI 10: Bilangan Penglibatan Alumni UiTM		PI 11: Bilangan Penggunaan Laman Web Perpustakaan UiTM PI 12: Peratus Staf Mencapai 42 jam Latihan PI 13: Bilangan Penyertaan Kecemerlangan Inovasi dan Produktiviti Kerja			
PERPUSTAKAAN UiTM									

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA & BAKAT

Kekuatan sumber manusia PTAR UiTM Cawangan Perak berasaskan daripada pelbagai bidang akademik dan kepakaran merupakan penggerak kepada produktiviti kerja yang berkualiti dan penghasilan inovasi yang berterusan.



STAF KESELURUHAN

23 staf Kampus Seri Iskandar
& 8 staf Kampus Tapah



STAF PROFESIONAL


4 staf Kampus Seri Iskandar
& 2 staf Kampus Tapah



STAF PELAKSANA

19 staf Kampus Seri Iskandar
& 6 staf Kampus Tapah

PENGURUSAN LATIHAN STAF



Peratus staf mencapai 42 Jam Latihan adalah **96.7%** bagi tahun 2024.

*1 orang staf bercuti 1 tahun atas faktor kesihatan

ICT




KHUSUS



UMUM



PENGURUSAN KEWANGAN




RM
55,000.00
PERUNTUKAN KESELURUHAN

RM
36,917.26
PERBELANJAAN

PENJANAAN PENDAPATAN

RM 1,946.25

- DENDA LEWAT PEMULANGAN BUKU
- KEAHLIAN LUAR
- SEWAAN RUANG
- PENJILIDAN



**"ILMU ITU PELITA HATI. TIADA
JALAN PINTAS UNTUK
MEMPEROLEHNYA KECUALI
DENGAN USAHA YANG GIGIH."**


ZA'BA (ZAINAL ABIDIN AHMAD)

**PEMBANGUNAN SUMBER
RUJUKAN UNIVERSITI**

LAPORAN PEROLEHAN SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI

PERUNTUKAN	SERI ISKANDAR	TAPAH	
BUKU RM48,827.20	RM30,211.33	RM1,222.23	RM 55,000.00 PERUNTUKAN KESELURUHAN
MAJALAH RM1,620.00	RM1,249.50	RM0.00	
SURAT KHABAR RM4,552.80	RM4,234.20	RM0.00	RM 36,917.26 PERBELANJAAN

MAKLUMAT BAHAN PERPUSTAKAAN



LOCAL CONTENT HUB MERUPAKAN SEBUAH PLATFORM PENGURUSAN SUMBER KANDUNGAN TEMPATAN YANG MEMBERI TUMPUAN KEPADA PEMBANGUNAN BAHAN BERKAITAN MALAYSIA DARIPADA PELBAGAI ORGANISASI SEPERTI KERAJAAN, BERKANUN DAN SWASTA MENGIKUT FAKULTI BERDASARKAN SUBJEK DAN KATA KUNCI YANG DIBERIKAN.

PADA TAHUN 2023 DAN 2024, PTAR CAWANGAN UITM PERAK TELAH MEMBANGUNKAN NICHE COLLECTION YANG MENUMPUKAN KEPADA BIDANG TEKNOLOGI HIJAU.



**"ILMU BUKAN SAHAJA UNTUK
MENGANGKAT DARJAT
SESEORANG, TETAPI UNTUK
MENGGALAS
TANGGUNGJAWAB KEPADA
MASYARAKAT."**

DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

**PERKHIDMATAN
PERPUSTAKAAN**


PROGRAM SPEED READ PTAR UiTM CAWANGAN PERAK, KAMPUS SERI ISKANDAR



12 Januari 2024 : PTAR UiTM Cawangan Perak telah mengadakan "**Program Speed Read**" bersama pelajar praktikal. Program ini telah disertai oleh 5 orang pelajar dan diadakan di Bilik IT2, PTAR serta dikendalikan oleh Puan Nur Aqilah binti Russli (Pustakawan Kanan). Teknik bacaan pantas Skimming & Scanning serta Fixation diperkenalkan dan dikongsikan kepada peserta.

SPEED READING PROGRAMME@PTAR

16 Januari 2024 – Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Perak Kampus Tapah telah mengadakan program “Speed Read” kepada dua orang pelajar latihan industri iaitu Encik Muhammad Azrin Bin Arba’e daripada UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana dan Cik Irdina Syahirah Binti Ahmad Samsuri daripada UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau.





AKTIVITI ANJAKAN BUKU DI RAK PTAR UiTM CAWANGAN PERAK KAMPUS SERI ISKANDAR



12 FEBRUARI 2024 : Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar telah menjalankan aktiviti anjakan buku di rak yang terletak di aras satu perpustakaan. Semua staf perpustakaan telah turut sama dalam melaksanakan aktiviti ini bersama. Turut menyertai adalah Timbalan ketua Pustakawan Kanan, Puan Siti Basriyah binti Shaik Baharudin.



PROGRAM READ@UiTM “1 STAF 1 BUKU” BULAN MAC 2024



25 MAC 2024 – Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar telah mengadakan serta meneruskan program bulanan Read@UiTM “1 Staf, 1 Buku” untuk bulan Mac 2024.

Program ini juga diadakan bagi menyokong aspirasi Read@UiTM iaitu pemerkasaan program galakan membaca di institut Pengajian Tinggi khususnya di UiTM.

STOCK TAKE 2.0 2024



Sekitar pelaksanaan Projek Stock Take 2.0 dan Prosedur Shelving bagi tahun 2024. Projek ini telah melibatkan semua staf Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar.

PROGRAM MOBILE LIBRARY@KAMPUS TAPAH SESI 1



21 Mei 2024 – PTAR Kampus Tapah telah mengadakan program “Mobile Library Tour@UiTM Tapah” bertempat di Kafe Pentadbiran UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah. Program yang dijalankan bermula daripada jam 10.00 pagi sehingga jam 1.00 tengahari ini turut dihadiri oleh seramai 163 peserta terdiri daripada pelajar dan staf, serta program ini berjaya mendekatkan warga kampus kepada koleksi bahan serta perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak perpustakaan.



PROGRAM MOBILE LIBRARY@KAMPUS TAPAH SESI 2



11 Jun 2024 – PTAR Kampus Tapah telah mengadakan program “Mobile Library Tour@UiTM Tapah” bertempat di Kafe Pusat Pelajar UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah. Program yang dijalankan bermula daripada jam 10.00 pagi sehingga jam 1.00 tengahari ini dihadiri oleh peserta terdiri daripada pelajar dan staf, serta program ini berjaya mendekatkan warga kampus kepada koleksi bahan serta perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak perpustakaan.



PROGRAM MOBILE LIBRARY@KAMPUS TAPAH SESI 3

02 Julai 2024 – PTAR Kampus Tapah telah mengadakan program “Mobile Library Tour@UiTM Tapah” bertempat di kafe pentadbiran UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah. Program yang dijalankan bermula daripada jam 10.00 pagi sehingga jam 1.00 tengahari ini dihadiri oleh peserta terdiri daripada pelajar dan staf. program ini berjaya mendekatkan warga kampus kepada koleksi bahan serta perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak perpustakaan.



HARI TERBUKA PTAR & HARI ARKIB ANTARABANGSA

Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar akan mengadakan **Hari Terbuka PTAR & Hari Arkib Antarabangsa** seperti maklumat berikut :

Tarikh : 11 & 12 Jun 2024

Masa : 8.30 pagi - 4.30 petang

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar.



Program ini merupakan satu inisiatif untuk menggalakkan kunjungan daripada para pelajar ke PTAR di samping mempromosikan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan. Pelbagai aktiviti - aktiviti menarik akan disediakan kepada para pengunjung sepanjang program ini berlangsung.



SESI MEET & GREET PTAR BERSAMA PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH (PPS) UiTM CAWANGAN PERAK

Tarikh : 4 Julai 2024

Masa: 10.00 pagi

Tempat: Bilik Perbincangan Pusat Pengajian Siswazah
UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar

Objektif sesi meet and greet ini adalah seperti berikut:

1. Menjalinkan hubungan baik dan kerjasama di antara PTAR UiTM UiTM Cawangan Perak dan Pusat Pengajian Siswazah UiTM Cawangan Perak
2. Mempromosikan perkhidmatan PTAR UiTM UiTM Cawangan Perak
3. Membincangkan dan mendapatkan maklumbalas berkaitan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan bagi tujuan penambahbaikan perkhidmatan perpustakaan.
4. Perbincangan dua hala kerjasama antara PTAR UiTM UiTM Cawangan Perak dan Pusat Pengajian Siswazah UiTM Cawangan Perak





SESI MEET & GREET PTAR BERSAMA FAKULTI PERAKAUNAN UiTM KAMPUS TAPAH

Tarikh : 12 Disember 2024

Masa: 10.00 pagi

Tempat: Bilik Mesyuarat PTAR Kampus Tapah

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Tapah telah mengadakan sesi Meet & Greet bersama Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah. Sesi ini dihadiri oleh wakil Fakulti Perakaunan, Dr. Enny Nurdin Sutan Maruhun dan Dr. Nur Farizan Mazhani, yang mendengar serta mendapatkan maklumat terkini mengenai perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh PTAR.

Makluman telah disampaikan oleh Encik Aizu Hakimi (Pustakawan) dan Puan Nur Aida Rousli (Pustakawan Kanan). Selain itu, pihak PTAR juga menerima beberapa cadangan penambahbaikan daripada pensyarah Fakulti Perakaunan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran khususnya bagi warga Kampus Tapah.





BENGKEL ASAS PENJILIDAN OLEH PTAR UiTM KAMPUS SERI ISKANDAR KEPADA STAF INFORMATION RESOURCE CENTRE, UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS

Tarikh : 15 Ogos 2024

Masa : 9:00 AM - 4:30 PM

Lokasi : Bilik Pemuliharaan Bahan, Perpustakaan UiTM
Kampus Seri Iskandar



Bengkel ini dirancang khusus untuk memperkenalkan peserta kepada asas penjilidan sebagai amalan terbaik yang boleh dipraktikkan di perpustakaan. Pemuliharaan buku adalah penting untuk menjaga warisan fizikal dan intelektual yang terkandung dalam buku. Pihak perpustakaan berharap perkongsian ilmu ini dapat digunakan oleh Information Resource Centre, UTP dalam memelihara bahan ilmu untuk kegunaan pelajar dan warga UTP.



BENGKEL SPEED READING

29 OGOS 2024 - Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar telah menganjurkan bengkel SPEED READING. Bengkel ini telah disertai oleh 10 orang peserta dalam kalangan pelajar latihan industri perpustakaan peringkat diploma dan ijazah. Turut menyertai dalam bengkel ini adalah barisan Pustakawan yang diketuai oleh Puan Siti Basriyah binti Shaik Baharudin, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan.



Bengkel ini disampaikan oleh Encik Akhimulah Azmi, Pembantu Pustakawan serta dibantu oleh Encik Mohd Azhari bin Maarop, Pembantu Pustakawan Kanan. Sesi ini memberi tumpuan kepada teknik-teknik membaca pantas termasuk kaedah fiksasi mata, menggunakan jari sebagai panduan, dan kad indeks. Sesi ini turut menyediakan latihan membaca serta kuiz.



BENGKEL SPEED READING

Tarikh : 4 September 2024

Masa : 2.30 petang - 4:30 petang

Lokasi : Kolej Antarabangsa Kompas, Ipoh

Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar dengan kerjasama Kolej Antarabangsa Kompas, Ipoh, Perak telah menganjurkan bengkel Speed Reading. Seramai 40 orang peserta dalam kalangan pelajar diploma, pensyarah dan pustakawan Kolej Kompas terlibat dalam menjayakan bengkel ini.



Bengkel ini telah disampaikan oleh Encik Akhimulah Azmi, Pembantu Pustakawan serta dibantu oleh dua orang fasilitator iaitu Encik Mohd Azhari bin Maarop, Pembantu Pustakawan Kanan dan Nurul Alya binti Suhaimi, Pelajar Latihan Industri PTAR UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar.



SESI MEET & GREET PTAR BERSAMA KOORDINATOR CFAP229 SARJANA MUDA UKUR BANGUNAN (KEPUJIAN) UiTM CAWANGAN PERAK KAMPUS SERI ISKANDAR

Tarikh : 25 September 2024

Masa: 2.30 petang

Tempat: Ruang Library Community Engagement (LCE)
PTAR UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar



Program Meet & Greet PTAR UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar bersama Koordinator bagi Program CFAP229 Sarjana Muda Ukur Bangunan (Kepujian) telah diadakan bagi membincangkan perancangan untuk melaksanakan taklimat mengenai pertumbuhan kulat di perpustakaan dan penyelenggaraan bangunan

MAJLIS PERASMIAN PAMERAN SEJARAH UiTM CAWANGAN PERAK



24 SEPTEMBER 2024 : Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak telah menganjurkan majlis Perasmian Pameran Sejarah UiTM Perak. Majlis ini telah berlangsung pada pukul 2.30 petang dan bertempat di ruang pameran Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar. Pameran tersebut memaparkan tokoh-tokoh peneraju, sejarah penubuhan, pencapaian UiTM Perak, peristiwa-peristiwa penting iaitu konvokesyen dan pecah tanah serta sejarah perkembangan kemajuan infrastruktur kampus yang berusia 25 tahun.



Majlis ini dimaniskan lagi dengan perasmian oleh Rektor UiTM Cawangan Perak, YBrs. Profesor Madya Dr Nur Hisham Ibrahim di ruang pameran serta dengan ucapan ringkas. Turut hadir pada majlis ini adalah para barisan pengurusan eksekutif UiTM Cawangan Perak.



TAKLIMAT BERSAMA PERPUSTAKAAN BAGI MINGGU DESTINI SISWA UiTM CAWANGAN PERAK KAMPUS SERI ISKANDAR

3 OKTOBER 2024 - Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar telah melaksanakan taklimat perpustakaan kepada pelajar baharu bagi sesi Oktober 2024.

Taklimat ini telah disampaikan oleh Puan Nur Dayana binti Mohd Narwawi, Pustakawan dan dibantu bersama tiga orang staf Unit Penyelidikan, Pembelajaran & Rujukan. Selaian daripada itu, turut menyertai adalah tiga orang pelajar Latihan Industri.

Taklimat yang berlangsung selama sejam ini telah dijalankan di Dewan Seri Iskandar.






BENGKEL SPEED READ KEPADA PELAJAR LATIHAN INDUSTRI PTAR KAMPUS TAPAH

Tarikh : 12 September 2024

Masa: 10.00 pagi

Tempat: Makmal Komputer PTAR Kampus Tapah

PTAR Kampus Tapah telah mengadakan bengkel Speed Read kepada 4 orang pelajar latihan industri yang terdiri daripada pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda daripada Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM).





BENGKEL PEMBANGUNAN KLASIFIKASI FAIL UiTM CAWANGAN PERAK

Tarikh : 11 Disember 2024 (Rabu)

Masa : 8.30 Pagi - 4.30 Petang

Penceramah : Puan Nur Aqilah Russli, Pustakawan Kanan PTAR UiTM Cawangan Perak

Tempat : PTAR UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar

OBJEKTIF

1. Mengemaskini dan membangunkan Sistem Klasifikasi Fail baru.
2. Membuat penetapan aktiviti, sub aktiviti dan transaksi yang digunakan di peringkat cawangan.
3. Membuat penambahan/penguguran aktiviti, sub aktiviti dan transaksi yang digunakan di peringkat cawangan.
4. Menyediakan templat KF cawangan mengikut templet Jabatan Arkib Universiti (JAU).





PAMERAN HOBI: HOT WHEELS & DORAEMON

Tarikh: 17 Disember 2024

Masa: 8.30 pagi - 4.30 petang

Tempat: PTAR UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar

Pameran Hobi adalah sebuah acara atau kegiatan di mana individu, komuniti, atau organisasi menampilkan berbagai macam hobi, koleksi, atau aktiviti yang mereka gemari. Pameran hobi yang dijalankan adalah Hot Wheels oleh Encik Farid Assamani Mohamed Zainon iaitu Ketua Bahagian Infostruktur UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar yang mempamerkan koleksi kereta-kereta mainan.



Pameran hobi kedua iaitu Doraemon dari koleksi Encik Mohd Eaddy Masrizun Nayan, staf PTAR UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar. Pameran ini adalah salah satu program untuk meningkatkan keseronokan bekerja melalui Staf Happiness Index.



BENGKEL SPEED READING

Tarikh : 19 Disember 2024


Masa : 11.00 pagi - 1.00 petang

Lokasi : Sekolah Menengah Kebangsaan Iskandar Shah, Perak

Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar dengan kerjasama Pusat Sumber Tun Hamdan (PSTH) SMK Iskandar Shah telah menganjurkan bengkel Speed Reading.



Bengkel ini telah disampaikan oleh Encik Akhimulah Azmi, Pembantu Pustakawan bersama Encik Mohd Azhari bin Maarop, Pembantu Pustakawan Kanan serta dibantu oleh Encik Razman bin Zainal Abidin, Pembantu Pustakawan Kanan dan Nur Najwa Insyirah Binti Azhar, Pelajar Latihan Industri PTAR UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar. Turut menyertai bersama adalah Puan Nur Dayana binti Mohd Narwawi, Pustakawan PTAR UiTM Cawangan Perak.



**"BUKU ADALAH TEMAN SEJATI
PENCINTA ILMU. DARI SANA,
JIWA MANUSIA
DIPERKAYAKAN DENGAN
HIKMAH."**

A. SAMAD SAID

PENDIGITALAN PERPUSTAKAAN

LAPORAN PRESTASI UNIT PERPUSTAKAAN DIGITAL

JUMLAH LOGIN PERKHIDMATAN
DIGITAL PERPUSTAKAAN



6,974 / 9,884

70.29%

72.47%

JUMLAH LOGIN MOBILEAPP
PTAR CAWANGAN PERAK






11,459 / 15,813

LAPORAN PRESTASI UNIT PERPUSTAKAAN DIGITAL

JUMLAH PAGEVIEW PORTAL
PTAR CAWANGAN PERAK

71,815





PERATUS MUATNAIK INSTITUTIONAL REPOSITORY (IR) 2024 UiTM CAWANGAN PERAK

Institutional Repository (IR) UiTM adalah platform digital di mana hasil penyelidikan, artikel jurnal, tesis, laporan penyelidikan, dan bahan akademik lain disimpan dan diakses oleh komuniti akademik dan penyelidik.


Pada suku pertama tahun 2024, PTAR UiTM Perak telah memuat naik bahan IR sebanyak 337 naskhah atau 30.64%. Pada suku kedua tahun 2024 sebanyak 507 naskhah dimuat naik meningkat menjadi 46.09%. Manakala pada suku ketiga tahun 2024, kenaikan menjadi 74.64% atau jumlah bahan yang telah dimuat naik menjadi 821 naskah. Pada suku akhir tahun 2024, bahan IR mencapai 100% atau 1110 bahan telah dimuat naik.

100%

PEMBANGUNAN SISTEM LOG SUSUNAN BAHAN PERPUSTAKAAN (SLSBP)



Sistem Log Susunan Bahan Perpustakaan (SLSBP) merupakan sebuah inisiatif yang dibangunkan oleh PTAR Kampus Tapah pada awal tahun 2022 dengan tujuan menggantikan penggunaan buku log manual untuk merekod bahan perpustakaan yang telah disusun oleh staf. Sistem ini berfungsi sebagai alat pemantauan yang memudahkan ketua unit dalam menguruskan jumlah susunan bahan bagi tujuan statistik. Bermula tahun 2023, SLSBP telah digunakan di Kampus Seri Iskandar dan Tapah, memberikan kemudahan serta meningkatkan kecekapan pengurusan perpustakaan di kedua-dua kampus. Sistem ini juga telah dihantar untuk penyertaan dalam pertandingan Operational Excellence (OE) 2024. Selain itu, SLSBP telah meraih pencapaian membanggakan apabila berjaya mendapat tempat kedua dalam pertandingan Mini Konvensyen pada 30 Oktober 2024 Peringkat UiTM Cawangan Perak.



**"ILMU TANPA AMAL IBARAT
POHON TANPA BUAH. AMAL
TANPA ILMU IBARAT BERJALAN
DALAM KEGELAPAN."**

DATO' DR. HARON DIN

REKOD DAN ARKIB UNIVERSITI

SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB, BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK UiTM CAWANGAN PERAK KAMPUS SERI ISKANDAR 2024

12 & 13 MAC 2024 : Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak telah menjalankan Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib Bahagian HEA, Unit Peperiksaan, Pejabat Fakulti Jabatan Alam Bina dan Teknologi (JABT) dan Pejabat Fakulti Pusat Pengajian Siswazah.

Sesi libat urus tersebut dijalankan di Bahagian/Unit tersebut serta lawatan ke bilik rekod dan fail. Sesi libat urus ini melibatkan pihak Unit Arkib Cawangan PTAR UiTM Cawangan Perak iaitu Puan Siti Basriyah Binti Shaik Baharudin, Puan Nur Aqilah Binti Russli dan Puan Noor Faridatul Akhma binti Abu Bakar. Pengurus rekod setiap bahagian dan unit tersebut diterangkan dengan cara dan kaedah pengurusan rekod mengikut Jabatan Arkib Universiti UiTM serta Arkib Negara Malaysia. Pihak perpustakaan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang menjayakan sesi libat urus ini.



SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD BERSAMA PTJ: BAHAGIAN INFOSTRUKTUR UiTM CAWANGAN PERAK KAMPUS SERI ISKANDAR 2024

Tarikh : 24 Jun 2024 (Isnin)

Masa : 9.00- 10.00 pagi

Tempat : Bahagian Infostruktur

Program Libat Urus Unit Arkib Cawangan, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dilaksanakan selari dengan hala tuju Perancangan Strategik Perpustakaan UiTM 2024 iaitu dengan penetapan PI 2: Bilangan Libat Urus Pengurusan Rekod, Arkib dan Galeri Bersama Pusat Tanggungjawab.

Objektif bagi sesi libat urus ini adalah bagi memberi kesedaran kepada warga kampus tentang kepentingan pengurusan rekod dan arkib dalam memelihara rekod UiTM untuk rujukan masa hadapan. Disamping itu juga, sesi kali ini memberi pendedahan dan kefahaman tentang fungsi dan perkhidmatan Unit Arkib Cawangan dalam pengurusan rekod dan arkib universiti.



SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD BERSAMA PTJ: BAHAGIAN FASILITI UiTM CAWANGAN PERAK KAMPUS SERI ISKANDAR 2024

Tarikh : 24 Jun 2024 (Isnin)

Masa : 10.00 - 11.00 pagi

Tempat : Bahagian Fasiliti

Program Libat Urus Unit Arkib Cawangan, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dilaksanakan selari dengan hala tuju Perancangan Strategik Perpustakaan UiTM 2024 iaitu dengan penetapan PI 2: Bilangan Libat Urus Pengurusan Rekod, Arkib dan Galeri Bersama Pusat Tanggungjawab.

Objektif bagi sesi libat urus ini adalah bagi memberi kesedaran kepada warga kampus tentang kepentingan pengurusan rekod dan arkib dalam memelihara rekod UiTM untuk rujukan masa hadapan. Disamping itu juga, sesi kali ini memberi pendedahan dan kefahaman tentang fungsi dan perkhidmatan Unit Arkib Cawangan dalam pengurusan rekod dan arkib universiti.



SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD BERSAMA PTJ: BAHAGIAN BENDAHARI UiTM CAWANGAN PERAK KAMPUS SERI ISKANDAR 2024

Tarikh : 24 Jun 2024 (Isnin)

Masa : 11.00 pagi- 12.00 tengahari

Tempat : Bahagian Bendahari

Program Libat Urus Unit Arkib Cawangan, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dilaksanakan selari dengan hala tuju Perancangan Strategik Perpustakaan UiTM 2024 iaitu dengan penetapan PI 2: Bilangan Libat Urus Pengurusan Rekod, Arkib dan Galeri Bersama Pusat Tanggungjawab.

Objektif bagi sesi libat urus ini adalah bagi memberi kesedaran kepada warga kampus tentang kepentingan pengurusan rekod dan arkib dalam memelihara rekod UiTM untuk rujukan masa hadapan. Disamping itu juga, sesi kali ini memberi pendedahan dan kefahaman tentang fungsi dan perkhidmatan Unit Arkib Cawangan dalam pengurusan rekod dan arkib universiti.



TAKLIMAT PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB, UNIT ARKIB CAWANGAN PERAK KEPADA PELAJAR LATIHAN INDUSTRI

Tarikh : 24 Julai 2024

Masa : 3.00 petang

Tempat : Bilik Mesyuarat PTAR Kampus Seri Iskandar

Taklimat Pengurusan Rekod dan Arkib disampaikan oleh Puan Nur Aqilah Russli, Pustakawan Kanan PTAR UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar kepada tujuh orang Pelajar Latihan Industri Diploma Pengurusan Maklumat UiTM Cawangan Kedah.

Taklimat ini sebagai penerangan ringkas berkenaan proses kerja pengurusan rekod yang dijalankan di UiTM Cawangan Perak.

Penerangan bermula dengan Kitaran Hayat Rekod dari Pendaftaran Rekod, Pembukaan Fail, Penawanan Rekod, Penyimpanan, Pergerakan, Penutupan Fail dan Pelupusan. Diakhir sesi tersebut diadakan sesi soal jawab untuk memantapkan lagi kefahaman pelajar.



SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD BERSAMA PTJ: BAHAGIAN POLIS BANTUAN UiTM CAWANGAN PERAK KAMPUS SERI ISKANDAR 2024

Program Libat Urus Unit Arkib Cawangan, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dilaksanakan selari dengan hala tuju Perancangan Strategik Perpustakaan UiTM 2024 iaitu dengan penetapan PI 2: Bilangan Libat Urus Pengurusan Rekod, Arkib dan Galeri Bersama Pusat Tanggungjawab.

Sesi Libat Urus ini merupakan perjumpaan dan perundingan dengan kumpulan sasar iaitu Pusat Tanggungjawab Jabatan (PTJ) UiTM, di mana pihak Unit Arkib Cawangan membuat perjumpaan rasmi secara bersemuka ke PTJ untuk melihat strategi untuk meningkatkan tahap pengurusan rekod, arkib & galeri mengikut dasar, prosedur dan standard yang ditetapkan serta memberi kesedaran kepentingan pengurusan rekod kepada Warga Universiti.

Objektif bagi sesi libat urus ini adalah bagi memberi kesedaran kepada warga kampus tentang kepentingan pengurusan rekod dan arkib dalam memelihara rekod UiTM untuk rujukan masa hadapan. Disamping itu juga, sesi kali ini memberi pendedahan dan kefahaman tentang fungsi dan perkhidmatan Unit Arkib Cawangan dalam pengurusan rekod dan arkib universiti.



SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD BERSAMA PTJ: BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR UiTM CAWANGAN PERAK KAMPUS SERI ISKANDAR 2024

Tarikh : 28 Ogos 2024 (Rabu)

Masa : 10.00 Pagi

Tempat : Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Sesi Libat Urus ini merupakan perjumpaan dan perundingan dengan kumpulan sasar iaitu Pusat Tanggungjawab Jabatan (PTJ) UiTM, di mana pihak Unit Arkib Cawangan membuat perjumpaan rasmi secara bersemuka ke PTJ untuk melihat strategi untuk meningkatkan tahap pengurusan rekod, arkib & galeri mengikut dasar, prosedur dan standard yang ditetapkan serta memberi kesedaran kepentingan pengurusan rekod kepada Warga Universiti.

Objektif bagi sesi libat urus ini adalah bagi memberi kesedaran kepada warga kampus tentang kepentingan pengurusan rekod dan arkib dalam memelihara rekod UiTM untuk rujukan masa hadapan. Disamping itu juga, sesi kali ini memberi pendedahan dan kefahaman tentang fungsi dan perkhidmatan Unit Arkib Cawangan dalam pengurusan rekod dan arkib universiti.



SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD BERSAMA PTJ: UNIT SUKAN UiTM CAWANGAN PERAK KAMPUS SERI ISKANDAR 2024


Tarikh : 28 Ogos 2024 (Rabu)

Masa : 11.00 Pagi

Tempat : Unit Sukan

Sesi Libat Urus ini merupakan perjumpaan dan perundingan dengan kumpulan sasar iaitu Pusat Tanggungjawab Jabatan (PTJ) UiTM, di mana pihak Unit Arkib Cawangan membuat perjumpaan rasmi secara bersemuka ke PTJ untuk melihat strategi untuk meningkatkan tahap pengurusan rekod, arkib & galeri mengikut dasar, prosedur dan standard yang ditetapkan serta memberi kesedaran kepentingan pengurusan rekod kepada Warga Universiti.

Objektif bagi sesi libat urus ini adalah bagi memberi kesedaran kepada warga kampus tentang kepentingan pengurusan rekod dan arkib dalam memelihara rekod UiTM untuk rujukan masa hadapan. Disamping itu juga, sesi kali ini memberi pendedahan dan kefahaman tentang fungsi dan perkhidmatan Unit Arkib Cawangan dalam pengurusan rekod dan arkib universiti.



LAWATAN KERJA UNIT ARKIB CAWANGAN KE PTJ BAHAGIAN INFOSTRUKTUR DAN LATIHAN PROSES PELUPUSAN REKOD PELAJAR PRAKTIKAL

Tarikh : 09 September 2024

Masa: 9.00 pagi

Tempat: Bahagian Infostruktur

Lawatan Kerja Unit Arkib Cawangan ke PTJ (Bahagian Infostruktur) dan Latihan Proses Pelupusan Rekod Pelajar Praktikal dijalankan untuk membantu bahagian/unit memulakan proses pelupusan rekod lama. Proses Pelupusan rekod dilaksanakan dengan cara menguruskan pengasingan rekod untuk tujuan pemusnahan dan pemindahan.

Rekod lama yang telah sampai tempoh untuk pelupusan telah dikenal pasti dan disenaraikan dalam Borang Penilaian Rekod. Rekod yang bernilai arkib iaitu Fail Mesyuarat Utama Bahagian Infostruktur telah dikenal pasti dan akan dibuat proses pemindahan ke Unit Arkib Cawangan. Unit Arkib Cawangan juga telah menghantar pelajar praktikal untuk latihan berkenaan pelupusan rekod dan dalam masa yang sama menunjukkan cara pelupusan kepada PTJ (Bahagian Infostuktur).



SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD BERSAMA PTJ: UNIT KENDERAAN UiTM CAWANGAN PERAK KAMPUS SERI ISKANDAR 2024

Tarikh : 11 September 2024 (Rabu)

Masa : 10.30 Pagi

Tempat : Unit Kenderaan

Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod Unit Arkib Cawangan ke PTJ (Unit Kenderaan) dan Latihan Proses Pelupusan Rekod Pelajar Praktikal dijalankan untuk membantu bahagian/unit memulakan proses pelupusan rekod lama. Proses Pelupusan rekod dilaksanakan dengan cara menguruskan pengasingan rekod untuk tujuan pemusnahan dan pemindahan. Rekod lama yang telah sampai tempoh untuk pelupusan telah dikenal pasti dan disenaraikan dalam Borang Penilaian Rekod.

Sesi ini diharapkan dapat membantu PTJ dalam pengurusan rekod yang baik dan menjalankan proses pelupusan mengikut prosedur Arkib Negara Malaysia (ANM).



LAWATAN KERJA UNIT ARKIB CAWANGAN KE PTJ UNIT KESIHATAN DAN LATIHAN PROSES PELUPUSAN REKOD PELAJAR PRAKTIKAL

Tarikh : 12 September 2024

Masa: 9.00 pagi

Tempat: Unit Kesihatan

Lawatan Kerja Unit Arkib Cawangan ke PTJ (Unit Kesihatan) dan Latihan Proses Pelupusan Rekod Pelajar Praktikal dijalankan untuk membantu bahagian/unit memulakan proses pelupusan rekod lama. Proses Pelupusan rekod dilaksanakan dengan cara menguruskan pengasingan rekod untuk tujuan pemusnahan dan pemindahan. Rekod lama yang telah sampai tempoh untuk pelupusan telah dikenal pasti dan disenaraikan dalam Borang Penilaian Rekod. Unit Arkib Cawangan juga telah menghantar pelajar praktikal untuk latihan berkenaan pelupusan rekod dan dalam masa yang sama menunjukkan cara pelupusan kepada PTJ (Unit Kesihatan).



KURSUS PENGURUSAN REKOD TERPERINGKAT DAN PENDAFTAR RAHSIA UiTM CAWANGAN PERAK KAMPUS TAPAH

Tarikh : 19 November 2024

Masa : 9.00- 11.00 pagi

Tempat: Makmal Komputer PTAR, UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah

Kursus ini merupakan sesi perkongsian ilmu berkenaan pengurusan rekod terbuka serta dokumen terperingkat oleh Pustakawan Kanan, Unit Pengurusan Rekod dan Arkib UiTM Cawangan Perak.

Kursus ini bertujuan untuk menyerahkan Buku Daftar Suratan Rahsia Rasmi 1972 (AM 492A) dan berkongsi cara mendaftarkan dokumen terperingkat ke dalam buku tersebut. Kursus ini juga adalah sesi ulangkaji dan perkongsian semula maklumat pengurusan rekod bersifat TERHAD, SULIT, RAHSIA, RAHSIA BESAR (Dokumen Terperingkat).



SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD BERSAMA PTJ: BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK UiTM CAWANGAN PERAK KAMPUS TAPAH

Tarikh : 19 November 2024 (Selasa)

Masa : 11.30 pagi

Tempat : Bahagian Hal Ehwal Akademik, UiTM Cawangan Perak
Kampus Tapah

Program Libat Urus Unit Arkib Cawangan, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dilaksanakan selari dengan hala tuju Perancangan Strategik Perpustakaan UiTM 2024 iaitu dengan penetapan PI 2: Bilangan Libat Urus Pengurusan Rekod, Arkib dan Galeri Bersama Pusat Tanggungjawab.

Sesi Libat Urus ini merupakan perjumpaan dan perundingan dengan kumpulan sasar iaitu Pusat Tanggungjawab Jabatan (PTJ) UiTM, di mana pihak Unit Pengurusan Rekod dan Arkib membuat perjumpaan rasmi secara bersemuka ke PTJ untuk melihat strategi untuk meningkatkan tahap pengurusan rekod, arkib & galeri mengikut dasar, prosedur dan standard yang ditetapkan serta memberi kesedaran kepentingan pengurusan rekod kepada Warga Universiti.



SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD BERSAMA PTJ: BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR UiTM CAWANGAN PERAK KAMPUS TAPAH

Tarikh : 19 November 2024 (Selasa)

Masa : 12.15 tengahari

Tempat : Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UiTM Cawangan Perak
Kampus Tapah

Program Libat Urus Unit Arkib Cawangan, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dilaksanakan selari dengan hala tuju Perancangan Strategik Perpustakaan UiTM 2024 iaitu dengan penetapan PI 2: Bilangan Libat Urus Pengurusan Rekod, Arkib dan Galeri Bersama Pusat Tanggungjawab.

Sesi Libat Urus ini merupakan perjumpaan dan perundingan dengan kumpulan sasar iaitu Pusat Tanggungjawab Jabatan (PTJ) UiTM, di mana pihak Unit Pengurusan Rekod dan Arkib membuat perjumpaan rasmi secara bersemuka ke PTJ untuk melihat strategi untuk meningkatkan tahap pengurusan rekod, arkib & galeri mengikut dasar, prosedur dan standard yang ditetapkan serta memberi kesedaran kepentingan pengurusan rekod kepada Warga Universiti.



SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD BERSAMA PTJ: BAHAGIAN PENTADBIRAN UiTM CAWANGAN PERAK KAMPUS TAPAH

Tarikh : 19 November 2024 (Selasa)

Masa : 3.00 petang

Tempat : Bahagian Pentadbiran, UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah

Program Libat Urus Unit Arkib Cawangan, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dilaksanakan selari dengan hala tuju Perancangan Strategik Perpustakaan UiTM 2024 iaitu dengan penetapan PI 2: Bilangan Libat Urus Pengurusan Rekod, Arkib dan Galeri Bersama Pusat Tanggungjawab.

Sesi Libat Urus ini merupakan perjumpaan dan perundingan dengan kumpulan sasar iaitu Pusat Tanggungjawab Jabatan (PTJ) UiTM, di mana pihak Unit Pengurusan Rekod dan Arkib membuat perjumpaan rasmi secara bersemuka ke PTJ untuk melihat strategi untuk meningkatkan tahap pengurusan rekod, arkib & galeri mengikut dasar, prosedur dan standard yang ditetapkan serta memberi kesedaran kepentingan pengurusan rekod kepada Warga Universiti.



SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD BERSAMA PTJ: UNIT KOKURIKULUM UiTM CAWANGAN PERAK KAMPUS SERI ISKANDAR

Tarikh : 04 Disember 2024 (Rabu)

Masa : 11.00 pagi

Tempat : Unit Kokurikulum, UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar

Program Libat Urus Unit Arkib Cawangan, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dilaksanakan selari dengan hala tuju Perancangan Strategik Perpustakaan UiTM 2024 iaitu dengan penetapan PI 2: Bilangan Libat Urus Pengurusan Rekod, Arkib dan Galeri Bersama Pusat Tanggungjawab.

Sesi Libat Urus ini merupakan perjumpaan dan perundingan dengan kumpulan sasar iaitu Pusat Tanggungjawab Jabatan (PTJ) UiTM, di mana pihak Unit Arkib Cawangan membuat perjumpaan rasmi secara bersemuka ke PTJ untuk melihat strategi untuk meningkatkan tahap pengurusan rekod, arkib & galeri mengikut dasar, prosedur dan standard yang ditetapkan serta memberi kesedaran kepentingan pengurusan rekod kepada Warga Universiti.




BENGKEL PEMBANGUNAN KLASIFIKASI FAIL UiTM CAWANGAN PERAK

Tarikh : 11 Disember 2024 (Rabu)
Masa : 8.30 Pagi - 4.30 Petang
Penceramah : Puan Nur Aqilah Russli, Pustakawan Kanan PTAR UiTM Cawangan Perak
Tempat : PTAR UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar

OBJEKTIF

1. Mengemaskini dan membangunkan Sistem Klasifikasi Fail baru.
2. Membuat penetapan aktiviti, sub aktiviti dan transaksi yang digunakan di peringkat cawangan.
3. Membuat penambahan/pengguguran aktiviti, sub aktiviti dan transaksi yang digunakan di peringkat cawangan.
4. Menyediakan templat KF cawangan mengikut templet Jabatan Arkib Universiti (JAU).





**"PENDIDIKAN DAN ILMU
ADALAH SENJATA UNTUK
MEMBEBAHKAN MASYARAKAT
DARIPADA BELENGGU
KEMISKINAN DAN KEJAHILAN."**

TUN ABDUL RAZAK HUSSEIN

LAWATAN

LAWATAN PENANDA ARASAN PTAR UiTM CAWANGAN PERAK KE INFORMATION RESOURCE CENTER (IRC) UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS (UTP)




17 JANUARI 2024 : Bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan suasana di dalam Perpustakaan, lawatan penandaarasan telah diadakan oleh pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar ke Information Resource Centre (IRC) Universiti Teknologi Petronas (UTP). Lawatan ini diketuai oleh Puan Siti Basriyah binti Shaik Baharudin, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan bersama dengan 16 orang staf serta 5 orang pelajar latihan industri.

LAWATAN PENANDA ARASAN DARI KOLEJ VOKASIONAL IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

27 FEBRUARI 2024 : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar telah menerima lawatan penandaarasan dari Kolej Vokasional Ipoh.

Lawatan ini diketuai oleh Puan Zaiton binti Aniyah, Ketua Jabatan Teknologi Awam, bersama dengan empat orang staf. Sepanjang lawatan ini, sesi penerangan yang meliputi sistem dan kaedah pengurusan perpustakaan telah diberikan oleh Puan Nur Aqilah, Pustakawan Kanan Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Perak.





LAWATAN PASUKAN AUDIT LUAR PROGRAM IJAZAH SARJANA SENIBINA CFAP773 KE PTAR

24 APRIL 2024 : Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar telah menerima Lawatan Kerja dari Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina (MAPS) Malaysia.



Delegasi lawatan kerja ini diketuai oleh Dr. Zunaibi Bin Abdullah bersama dengan 2 orang panel yang lain iaitu Ar. Dr. Wan Norisma Binti Wan Ismail dan Ar. Ahmad Nizam Bin Ahmad Radzi. Sepanjang lawatan kerja berlangsung, delegasi ini telah diringi oleh Puan Siti Basriyah binti Shaik Baharudin, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan PTAR UiTM Cawangan Perak.

LAWATAN DARI HOLY CROSS OF DAVAO COLLEGE, FILIPINA

30 APRIL 2024 : Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Perak telah menerima lawatan dari Holy Cross of Davao College, Filipina. Lawatan ini melibatkan seramai 18 orang mahasiswa dan 10 orang pensyarah dan kakitangan akademik.

Sepanjang sesi lawatan ini, Puan Siti Basriyah binti Shaik Baharudin, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan dan Puan Nur Aqilah binti Russli, Pustakawan Kanan membantu memberi penerangan dan taklimat ringkas berkaitan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan kepada pengguna.





LAWATAN PENANDA ARASAN PERPUSTAKAAN SULTANAH BAHIYAH, UUM

21 MEI 2024 : Sekitar lawatan penanda arasan dari pasukan penambahbaikan kualiti (OIT) Perpustakaan Sultanah Bahiyah, UUM ke bahagian Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar.



Lawatan ini diketuai oleh Encik Ku Azhar bin Ku Saud, Penolong Ketua Pustakawan, bersama dengan 6 orang pembantu pustakawan kanan dan diringi oleh barisan pengurusan PTAR UiTM Cawangan Perak yang diketuai oleh Puan Siti Basriyah binti Shaik Baharudin, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Perak.

Pelbagai perkara yang melibatkan pengurusan dan pengoperasian telah dibincangkan sepanjang lawatan ini berjalan disamping bertukar idea secara dua hala.



LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARI PERPUSTAKAAN LAMBERT, SEKOLAH KEJURURAWATAN HOSPITAL FATIMAH

28 MEI 2024 : Sekitar lawatan sambil belajar dari Perpustakaan Lambert Sekolah Kejururawatan Hospital Fatimah, Ipoh ke bahagian Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar.

Lawatan ini diketuai oleh Cik Nur Aida Adilla Binti Zainal Azman, Pustakawan, bersama dengan 6 orang pelajar dan diringi oleh barisan pengurusan PTAR UiTM Cawangan Perak yang diketuai oleh Puan Siti Basriyah binti Shaik Baharudin, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Perak.

Pelbagai perkara yang melibatkan pengurusan dan pengoperasian telah dibincangkan sepanjang lawatan ini berjalan disamping bertukar idea secara dua hala.





LAWATAN PENASIHAT AKADEMIK PROGRAM DIPLOMA TEKNOLOGI GEOSPATIAL CFAP123/AP123 KOLEJ PENGAJIAN ALAM BINA, UiTM CAWANGAN PERAK

Tarikh : 2 Julai 2024

Masa : 2.30 Petang

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar



LAWATAN KOLEJ TINGKATAN ENAM (PRA-UNIVERSITI) KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA, SABAK BERNAM

Tarikh : 22 Ogos 2024 (Khamis)

Masa : 9.00 Pagi

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar

Peserta : 80 orang pelajar dan 8 guru pengiring



LAWATAN KERJA UNIT ARKIB CAWANGAN KE PTJ BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK DAN LATIHAN PROSES PELUPUSAN REKOD PELAJAR PRAKTIKAL

Tarikh : 05 September 2024

Masa: 9.00 pagi

Tempat: Bahagian Hal Ehwal Akademik



Lawatan Kerja Unit Arkib Cawangan ke PTJ (Bahagian Hal Ehwal Akademik) dan Latihan Proses Pelupusan Rekod Pelajar Praktikal dijalankan untuk membantu bahagian/unit memulakan proses pelupusan rekod lama. Proses Pelupusan rekod dilaksanakan dengan cara menguruskan pengasingan rekod untuk tujuan pemusnahan dan pemindahan.

Rekod lama yang telah sampai tempoh untuk pelupusan telah dikenal pasti dan disenaraikan dalam Borang Penilaian Rekod. Rekod yang bernilai arkib iaitu Fail Mesyuarat Utama Bahagian Akademik telah dikenal pasti dan akan dibuat proses pemindahan ke Unit Arkib Cawangan. Unit Arkib Cawangan juga telah menghantar pelajar praktikal untuk latihan berkenaan pelupusan rekod dan dalam masa yang sama menunjukkan cara pelupusan kepada PTJ (Bahagian Hal Ehwal Akademik).



KUNJUNGAN RASMI TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PEMBANGUNAN)

14 OKTOBER 2024 : Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar telah menerima kunjungan rasmi daripada Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Prof. Ts. Sr. Dr. Md Yusof Hamid.

Turut bersama-sama mengiringi adalah Prof. Madya Sr. Dr. Mohd Azian Zaidi, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar, Ts. Suhaimi Bin Ahmed, Timbalan Jututera Kanan Bahagian Pengurusan Fasiliti, serta Puan Siti Basriyah binti Shaik Baharudin, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan.





LAWATAN PENILAIAN AKREDITASI PENUH PROGRAM SARJANA MUDA PENGURUSAN HARTANAH (KEPUJIAN) CFAP225 KE PTAR UiTM CAWANGAN PERAK KAMPUS SERI ISKANDAR

Tarikh : 23 Oktober 2024

Tempat : PTAR UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar



LAWATAN PENILAIAN AKREDITASI PENUH PROGRAM DIPLOMA PENGURUSAN HARTANAH AP115 KE PTAR UiTM CAWANGAN PERAK KAMPUS SERI ISKANDAR

Tarikh : 5 November 2024

Tempat : PTAR UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar



LAWATAN AKREDITASI OLEH PEMERIKSA LUAR PROGRAM SARJANA SAINS SENIBINA HIJAU CFAP763 KE PTAR

Tarikh : 3 Disember 2024 (Selasa)

Masa : 2.30 Petang - 4.30 Petang

Tempat : PTAR UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar

**"SEJARAH ADALAH ILMU YANG
MENGHUBUNGKAN KITA
DENGAN AKAR UMBI, SUPAYA
KITA TIDAK LUPA DARI MANA
KITA DATANG."**

PROF. EMERITUS TAN SRI DR. KHOO KAY KIM

KOLABORASI



JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2024 | PEMBACAAN MELESTARIKAN PERPADUAN

23 APRIL 2024 : Program "Jom Baca Bersama 10 Minit" yang dianjurkan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Perak dengan kerjasama bersama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak bertujuan untuk meraikan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia serta menggalakkan budaya membaca dalam masyarakat. Tema program ini, "Pembacaan Melestarikan Perpaduan,"

Dalam acara tersebut, YB Puan Salina Binti Samsudin, ADUN Behrang merangkap Timbalan Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak, Puan Rafidah binti Abdul Aziz, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak dan Puan Siti Basriyah binti Shaik Baharudin, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan turut hadir bagi memeriahkan program ini bersama dengan para peserta yang lain



SPEAKER CORNER PTAR KAMPUS TAPAH KOLABORASI BERSAMA MPP UiTM CAWANGAN PERAK

Tarikh : 08 November 2024

Masa: 9.00 pagi

Tempat: Mini Stage PTAR Kampus Tapah



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Tapah dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Perak telah berjaya menganjurkan program Speaker Corner. Program ini berlangsung dengan meriah dan telah dihadiri oleh seramai 109 orang penonton yang hadir untuk memberikan sokongan kepada para peserta.

Sebanyak 13 orang peserta telah mengambil bahagian dalam program ini, yang bertujuan untuk meningkatkan keyakinan diri dan kemahiran komunikasi awam dalam kalangan pelajar. Peserta diberi peluang untuk menyampaikan hujah mereka di hadapan penonton dan panel juri yang menilai berdasarkan aspek kandungan, penyampaian, dan kreativiti.



SEMINAR ANCAMAN KULAT KEPADA ASET PERPUSTAKAAN DAN KELESTARIAN PENYELENGGARAAN

Tarikh: 17 Disember 2024

Masa: 8.30 pagi- 12.30 tengahari

Tempat: Library Community Engagement, PTAR UiTM
Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar

Seminar Ancaman Kulat kepada Aset Perpustakaan dan Kelestarian Penyelenggaraan telah disampaikan oleh Ts. Sr. Dr. Suriani Ngah binti Abdul Wahab dan Ts. Sr. Dr. Hasnan Hashim serta moderator adalah Sr. Dr. Nor Amin Mohd Redzuan.





SPEAKERS' CORNER


Tarikh: 17 Disember 2024

Masa: 2.00 - 4.00 petang

Tempat: Library Community Engagement, PTAR UiTM
Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar

Program Speakers' Corner adalah kerjasama antara PTAR dan Akademi Pengajian Bahasa (APB) UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar yang disertai oleh pelajar-pelajar UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar. Speakers' Corner adalah sebuah konsep ruang publik di mana individu atau kelompok dapat berbicara secara bebas dan menyampaikan pandangan mereka kepada khalayak.





**"ILMU TIDAK HANYA TERHAD
DI SEKOLAH ATAU MASJID,
TETAPI IA ADA DI MANA-MANA
BAGI MEREKA YANG MAHU
MENCARI."**

TUAN GURU NIK ABDUL AZIZ NIK MAT


PENERBITAN



POSTER SELAMAT
MENYAMBUT TAHUN
BARU 2024



POSTER SELAMAT
MENDUDUKI PEPERIKSAAN
AKHIR SEMESTER
OKT 2023 -FEB 2024



POSTER 1 STAF 1 BUKU



POSTER JOM BACA
BERSAMA UNTUK
10 MINIT



POSTER SELAMAT
HARI BUKU




POSTER BENGKEL
MOBILEGRAPHY



**POSTER SELAMAT
HARI PUSTAKAWAN**



**POSTER WAKTU
OPERASI
PERPUSTAKAAN**



**POSTER MAJLIS
PERASMIAN PAMERAN
SEJARAH UTM PERAK**




**POSTER BENGKEL
PEMBANGUNAN
KLASIFIKASI FAIL**



**POSTER HARI TERBUKA
PERPUSTAKAAN**



**POSTER SEMINAR
ANCAMAN KULAT
KEPADA ASET
PERPUSTAKAAN**



**"KEJUJURAN DALAM
MENUNTUT ILMU ADALAH
ASAS KEPADA KEHARMONIAN
DIRI DAN NEGARA."**

TUN DR. ISMAIL ABDUL RAHMAN

KERATAN AKHBAR

Sultan Nazrin rasmi UiTM Kampus Tapah

Tapah: Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, merasmikan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak Kampus Tapah di sini, semalam.

Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim; Raja Di Hilir, Raja Iskandar Dzulkarnain Sultan Idris A'fifullah Shah dan Raja Puan Muda Perak, Tunku Soraya Abdul Halim Mu'adzam Shah, turut berangkat ke majlis berkenaan.

Hadir sama Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad dan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.

Zambry dalam sembah ucapannya, berkata penubuhan UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah itu memberikan peluang pekerjaan, khususnya kepada kakitangan dan pensyarah muda yang membawa semangat baharu kepada kampus.

"Faktor ini menjadi kelebihan kepada UiTM kerana

selain atribut fizikal, kualiti pendidikan, semangat pendidik kita dan semangat pelajar akan membawa kegemilangan kepada institusi ini," katanya.

Terdahulu, Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Dr Shahrin Sahib@Sahibuddin, dalam sembah ucapannya, berkata perasmian kampus itu amat bermakna buat pihaknya kerana bukan sahaja menjadi sejarah, bahkan sebagai peletakan asas kukuh bagi fungsi sebenar UiTM untuk menjadi universiti berasaskan sains dan teknologi.

Beliau berkata, UiTM membuktikan pelbagai kejayaan dan kecemerlangan warganya sehingga ke peringkat antarabangsa.

"Antaranya, melalui penarafan QS World University Rankings 2024, kedudukan Universiti Teknologi MARA melonjak 102 anak tangga kepada kedudukan ke-555 pada peringkat dunia dan ke-10 terbaik



Sultan Nazrin bersama Tuanku Zara berkenan melawat model bangunan UiTM ketika mencemar duli merasmikan UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah, semalam. (Foto BERNAMA)

di Malaysia.

"Selain itu, Universiti Teknologi MARA meraih kedudukan berprestij dengan berada pada kedudukan ke-98 dan tersenarai dalam 100 universiti terbaik Asia dalam penarafan QS Asia University Rankings

2024," katanya.

Seramai 450 pelajar menjadi kumpulan pertama memulakan pengajian di kampus itu yang mula beroperasi pada Disember 2010, sebelum beroperasi sepenuhnya pada April 2014 memabatkan kapasiti 5,000 pelajar

dan 2,500 tempat penginapan.

Cawangan itu menawarkan sembilan program utama daripada Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, Fakulti Perakunaan dan Fakulti Sains Gunaan.

BERNAMA

BERITA HARIAN_23 OGOS 2024_NASIONAL_PG.15_SULTAN NAZRIN RASMI UITM KAMPUS TAPAH

KERATAN AKHBAR UiTM PERAK



HARIAN METRO_12 OGOS 2024_PG.34
(AKADEMIA)_PELAJAR UiTM & UPSI
ANTARA 278 PESERTA TURUN
PADANG



NEWS STRAITS TIMES PRESS_6 May
2024_Pg.15_Teach Pupils to Use
Technology With Integrity

Bidang seni juga berdepan Revolusi Industri 4.0

REVOLUSI Perindustrian Keempat tidak hanya tertumpu kepada sektor pembuatan dan pengilangan, tetapi ia akan memberi pengaruh kepada semua bidang termasuk bidang seni terutamanya bidang seni grafik, visual komunikasi serta media baharu.

Pensyarah Jabatan Grafik dan Media Digital Universiti Teknologi Mara (UiTM), Ahmad Sofiyuddin Mohd Shuib berkata, dengan revolusi yang amat pantas ini, setiap sektor pendidikan perlu mengambil tahu keperluan industri bagi persediaan menyediakan pelajar segala kemahiran pada masa depan.

Menurutnya, pelajar juga perlu bersedia dan merebut peluang revolusi ini supaya tidak ketinggalan dalam penghasilan karya yang bermutu tinggi dan menempatkan diri di dalam industri kreatif di masa hadapan.

"Dengan teretusnya revolusi ini pendidikan tinggi di Malaysia juga sedikit sebanyak telah bersedia dan tidak ketinggalan di mana di bawah program mereka bentuk pendidikan tinggi 2017, menjadi satu keperluan di dalam subjek inovasi digital beberapa perkara perlu diaplikasikan seperti kecerdasan buatan,

virtual, simulasi realiti dan data yang besar. "Jika kita berada di landasan tepat, maka ia dapat membuka minda pelajar kita supaya lebih kreatif dan mampu menghasilkan karya berimpak tinggi. Malah ia juga membantu mempercepatkan penyiapan karya-karya atau tugas dalam masa yang singkat," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Ahmad Sofiyuddin, dari segi pendidikan, revolusi perindustrian ini bakal mengubah landskap pembelajaran dan pengajaran dalam bidang seni di mana dulu lebih kepada berhadapan atau meminjam buku di perpustakaan dan kini pelajar banyak merujuk kepada teknik luar seperti Internet bagi mendapatkan maklumat dan sebagainya.

"Internet atau istilah dalam revolusi ini iaitu 'internet of thing' membuka ruang memudahkan proses dari segi mencari maklumat dan idea terkini. Media-media sosial seperti *Pinterest* dan *YouTube* banyak membantu mencari idea dan juga


tutorial menghasilkan karya seni yang berimpak tinggi," katanya. Jelasnya, teknologi terkini seperti dron dan pencetakan 3D juga menyediakan pelajar kemahiran yang diperlukan kerana pada masa depan kemahiran ini amat diperlukan industri.

"Pencetakan 3D dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran dari segi aspek rekaan pembungkusan, rekaan karakter, rekaan industri, arca dan juga pakaian bagi mendapatkan hasil tepat dalam proses penghasilan karya.

"Penggunaan dron masa ini juga sedang giat aktif digunakan oleh penggiat seni visual bergerak yang bertujuan penghasilan iklan, filem pendek, filem dan sebagainya. Teknologi dron pantas berevolusi dari segi kualiti, teknologi, saiz dan kecekapan teknologi kinetik atau sensor yang terbaru," katanya.



AHMAD SOFIYUDDIN



SINAR HARIAN_14 JUN
2024_PG.15_BIDANG SENI JUGA
BERDEPAN REVOLUSI INDUSTRI 4.0

Generasi Z dibelenggu teknologi pantas era digital

Nurul Afiqah
Ahmad dan
Dr Nawal Esa
Yazid Esa,
Universiti
Teknologi MARA
Perak

Generasi Z adalah kumpulan individu yang lahir pada pertengahan 1990-an hingga awal 2000-an. Mereka membesar dalam era digital dipenuhi dengan kemajuan teknologi dan akses tanpa batas kepada maklumat melalui internet.

Hal ini menyebabkan kehidupan menjadi serba pantas dalam segala segi sehingga menimbulkan satu tekanan, iaitu tidak mahu ketinggalan. Dalam konteks perbincangan awam, tekanan tidak mahu ketinggalan dalam generasi ini disebut sebagai 'Fear of Missing Out' (FOMO).

FOMO merujuk kepada perasaan cemas atau kegelisahan dialami seseorang apabila berasa terlepas atau ketinggalan daripada pengalaman menarik atau penting yang sedang berlaku dalam kalangan rakan atau di media sosial.

Generasi Z, yang terkenal dengan penggunaan aktif pelbagai jenis media sosial, jadi tidak hairan segala sisi kehidupan mereka dikongsi kepada umum tanpa segan silu.

Ia termasuk aktiviti sosial atau peristiwa yang dilalui. Hal ini merangsang perasaan FOMO dalam kalangan orang lain yang berasakan mereka ketinggalan, kerana tidak punya pengalaman sama.

Antara faktor utama yang menyumbang kepada

FOMO dalam kalangan Generasi Z adalah tekanan sosial dalam dunia digital itu sendiri.

Mereka sering berasakan perlu berada di atas segala perkembangan terkini dan turut serta dalam aktiviti yang terkini bagi mendapatkan pengiktirafan atau perhatian daripada rakan.

Selain itu, FOMO juga boleh dipengaruhi oleh persepsi berlebihan terhadap kehidupan yang dipaparkan di media sosial.

Punca ketagihan media sosial

Disebabkan individu cenderung memaparkan hanya sisi terbaik dan paling menarik daripada kehidupan mereka dalam platform media sosial, Generasi Z mungkin berasakan ketinggalan jika mereka tidak mempunyai pengalaman seperti dikongsi orang lain.

Bagi sesetengah individu, FOMO juga boleh mengakibatkan penggunaan media sosial yang berlebihan atau ketagihan. Mereka mungkin terdedah kepada amalan 'doomscrolling', iaitu akan secara berterusan menatal halaman media sosial bagi memastikan tidak tertinggal sebarang berita atau maklumat terkini.

Hal ini sebenarnya boleh menyebabkan masalah kesihatan mental seperti kebimbangan, kemurungan atau rasa tidak bermaya.

Namun, tidak semua kesan FOMO adalah ne-

gatif. Dalam beberapa kes, ia boleh menjadi pemacu untuk mencipta pengalaman yang lebih bermakna atau untuk menjalinkan hubungan sosial lebih kukuh.

Apabila digunakan secara positif, FOMO boleh menjadi inspirasi untuk mencuba perkara baharu, melangkah keluar dari zon selesa dan memperluaskan persepsi mengenai dunia.

Dalam konteks pemasaran, kesedaran terhadap FOMO dapat dimanfaatkan oleh pengiklan untuk menarik perhatian Generasi Z. Mereka boleh menggunakan teknik seperti pengiklanan bersepadu dan kandungan yang berorientasikan pengguna untuk mencipta keperluan serta keinginan untuk mengambil bahagian dalam sesuatu aktiviti atau peristiwa semasa.

Bagaimanapun, penting untuk mengendalikan pemasaran dengan telus dan tidak menyalahi etika untuk mengelakkan manipulasi emosi individu.

Kesimpulannya, FOMO adalah fenomena signifikan dalam kalangan Generasi Z yang mempengaruhi cara mereka berinteraksi dengan dunia digital dan juga memberi implikasi dalam strategi pemasaran. Memahami trend ini dapat membantu pengiklan untuk merangka pendekatan yang sesuai untuk berhubung dengan Generasi Z secara berkesan.

BERITA HARIAN_11 MEI
2024_PG.13_GENERASI Z DIBELENGGU
TEKNOLOGI PANTAS ERA DIGITAL

Pembaca yang ingin berkongsi pandangan dan membuat aduan boleh e-mel ke bhforum@bh.com.my

Penilaian kritis fakta sebelum buat kesimpulan elak salah tanggapan

• Setiap individu perlu mengambil pendekatan bertengan, membaca dengan teliti dan memahami konteks suatu maklumat atau berita sebelum memberikan sebarang ulasan

• Amat penting setiap individu menilai maklumat diperoleh daripada mana-mana medium dengan penuh teliti dan menggunakan pertimbangan serta penilaian kritis sebelum membuat kesimpulan

Oleh Dr Izzan Mohammad Ali
bhrencana@bh.com.my

Kebekangan ini netizen dihindangi dengan pelbagai laporan, maklumat, dan tips serta peristiwanya. Melalui media massa dan media sosial, sekali gus mendorong mereka membuat ulasan atau komen sebara tanpa memeriksa keakuratan maklumatnya.

Dalam contoh terbaru, netizen begitu gila membuat ulasan seperti dalam soal kesusilaan dan pergaulan. Keputusan Mahkamah Persekutuan terhadap kes syarah di Kelantan dan banyak laporan mengenai rasuah. Penerimaan mengutip banyak pihak membuat ulasan berdasarkan pandangan dan kebekangan masing-masing mengandungi nilai positif dan negatif, serta dipengaruhi pengalaman unik setiap individu.

Dalam situasi ini, amat penting bagi setiap individu memastikan sebelum membuat ulasan, membaca dengan teliti dan memahami konteks suatu maklumat atau berita sebelum memberikan sebarang ulasan.

Matlamat utamanya adalah bagi memastikan setiap ulasan disampaikan mengikut asas kebekangan kuat dan relevan serta mampu memberikan sumbangan bermakna dalam perincian, termasuk dalam talian.

Hari ini, wujud kelompok tertentu netizen yang realisme, memuatkan fakta dan realiti objektif, sementara kelompok netizen idealisme lebih memfokuskan pandangan serta nilai diperkatakan. Sementara itu, kelompok netizen relativisme pula mengkritik keraguan pandangan dan interpretasi dengan berlandaskan khalangan netizen.

Kelompok netizen realisme menerapkan pertimbangan membaca dan memahami realiti sebelum konteks perincian sebelum membuat ulasan. Kelompok netizen idealisme pula cenderung mengabaikan pandangan dan nilai diperkatakan dalam membaca dan memahami konteks perincian.

Kelompok netizen relativisme menekankan pandangan dan pemerhatian mereka terhadap suatu konteks perincian lebih berkesan berdasarkan kepada fakta dan realiti diuji.

Utamakan berfikir dan khalangan

Justeru, hari ini kita dapat melihat pandangan berbeza berdasarkan netizen berdasarkan alasan berfikir dan maklumat dibaca dan difahami. Membaca dan memahami konteks perincian sebelum memberikan ulasan adalah proses pemikiran kritis dan cerminan yang mendalam.

Inilah proses berfikir yang intensiti berlandaskan sumber keakuratan dan idea diperkatakan. Berikutan beberapa kepentingan membaca dan memahami konteks perincian sebelum memberikan ulasan khususnya dalam pentar dalam talian.

• Pertama, membaca dapat memberi nilai fahaman terhadap fakta dan realiti. Membaca dapat memberikan gambaran keseluruhan konteks perincian. Langkah ini penting bagi memastikan maklumat diperoleh adalah sahih dan benar, serta mampu dipertanggungjawabkan faktanya.

Tanpa pemahaman yang mendalam konteks sedang dibincangkan, terdapat risiko sangat besar dalam proses interpretasi maklumat dengan salah atau keliru. Kesannya, ulasan diberikan adalah berdasarkan berfikir, bahkan memuatkan fakta.

Jelas, membaca daripada sumber yang benar dan memahami dengan baik akan membolehkan netizen berada pada posisi yang lebih baik dalam menyuarakan kebekaran.

• Kedua, membaca memperkayakan ilmu dalam diri. Ilmu adalah aset sangat berharga. Melalui pembacaan, netizen bukan sahaja memperoleh maklumat baharu, bahkan dapat memperkayakan pemahaman mengenai realiti sebenar berlaku di sekeliling.

Secara etimologinya, realiti tidak terhad kepada pemikiran dan pengalaman individu sedia ada sahaja. Bahkan, kebebasan sebenar merangkumi realiti berlaku di luar pemikiran dan pengalaman peribadi.

Jelas di sini, membaca dan memahami bukan hanya mengumpulkan fakta, tetapi juga netizen spektrum lebih luas dalam memahami realiti sedang berlaku.

• Ketiga, menghargai sudut pandang orang lain. Secara ringkasnya, netizen perlu memiliki empati dan terbuka dalam menghargai sudut pandang orang lain. Melalui pembacaan teliti, ia adalah diri lebih terbuka dari sudut pandangan berbeza.

Inilah menggalakkan pertelingkapan dan wacana lebih harmoni, meningkatkan toleransi antara satu sama lain. Justeru, dengan memahami banyak atau pandangan daripada pelbagai sumber, netizen dapat memberikan ulasan lebih berimbang dan mengikut pelbagai perspektif sebelum menyimpulkan pendapatnya sendiri.

• Keempat, mengelakkan berfikir dengan fakta. Kualiti ulasan tidak hanya bergantung pada kebenaran disampaikan, tetapi pada kualiti hasil dan fakta menyuarakannya. Jelas, membaca dengan cermat membolehkan kita mengimbangi dan buh secara baik dan rasional.

Mendatunya tidak hanya membantu meningkatkan keberanian menyuarakan pendapat, tetapi juga memperkayakan pertimbangan dengan perspektif berfikir dan boleh diperkaya.

• Kelima, membaca dan memahami konteks perincian dengan betul bagi mengelakkan salah faham. Hal ini penting bagi memberikan sumbangan terhadap kebekaran berfikir kepada kebekaran dan tidak membuat kesimpulan salah atau tidak tepat.

Maka akan memuatkan sebarang berfikir

Seandainya pihak yang menggunakan fakta untuk dijadikan sandaran, tetapi membuat berfikir dan berfikir sendiri, dan menyimpulkan. Oleh itu, amat penting menilai setiap maklumat diperoleh dengan penuh teliti dan menggunakan pertimbangan serta penilaian kritis sebelum membuat kesimpulan.

Ini akan memastikan pendapat atau buh disampaikan berdasarkan asas kukuh dan tidak terjerat dalam salah tanggapan. Sebagai rumusan, membaca dan memahami sebelum memberikan ulasan sangat penting untuk diusahakan dalam kalangan netizen.

Dengan memuatkan langkah di atas, netizen tidak hanya menghasilkan ulasan lebih berkesan dan berkesan, tetapi membolehkan diri tinggi sebagai ahli masyarakat berfikir, budiakasa dan bertanggungjawab.

Masyarakat yang membaca adalah masyarakat berfikir. Berfikir dalam Islam bermaksud berfikir. Oleh karena itu, sangat penting membaca sebelum membuat kesimpulan yang harus mampu memahami peribadi keadaban.

Harta wakaf terpilih wajar diiktiraf warisan dunia

Oleh Dr Siti Nadiyah Mohd Ali
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan,
Pusat Pengajian
Pengurusan
Hartanah, Jabatan
Pengajian Alam
Bina dan Teknologi,
Universiti Teknologi
MARA (UiTM) Perak

Sebagai sumber daya ekonomi dan sosial negara, harta wakaf membawa satu naratif positif terhadap punca kuasa ketiga lebih bersifat sejagat. Kombinasi sektor awam khususnya majlis agama Islam negeri (MAIN) dengan rakyat sebagai penyumbang utama wakaf, seharusnya dapat memastikan harta wakaf dipelihara sebaiknya.

Bagi menghargai dan memanfaatkan harta wakaf sebaiknya, amat wajar jika harta wakaf menjadi sebahagian harta warisan negara diperkukuhkan dengan undang-undang. Ia bagi mengelakkan diceroboh pihak tidak bertanggungjawab.

Jabatan Warisan Negara (JWN) di bawah punca kuasa Akta Warisan Kebangsaan 2005 boleh memainkan peranannya iaitu memelihara, memelihara, melindungi dan mempromosikan kekayaan khazanah warisan Malaysia.

Melalui kerjasama strategik antara MAIN dan JWN, harta wakaf terpilih boleh diiktiraf menjadi sebahagian warisan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO).

Ini adalah strategi untuk memastikan harta wakaf mendapat perhatian pihak berwajib dengan menyediakan peruntukkan khas, khususnya dari aspek pemuliharaan dan penyelenggaraan bangunan.

Langkah pertama adalah mengenal pasti harta wakaf mempunyai nilai sejarah, budaya atau seni signifikan. Penilaian menyeluruh amat diperlukan untuk menentukan keadaan fizikal dan nilai

sejarah harta wakaf terbahit.

Sebelum boleh diiktiraf sebagai warisan dunia, harta wakaf perlu mematuhi kriteria ditetapkan UNESCO, termasuk keaslian, kepentingan sejarah atau budaya serta pemeliharaan berkesan.

Wujudkan program 'celik harta wakaf'

Maka, MAIN boleh menjalankan kerjasama dengan universiti tempatan bagi menyediakan dokumen penilaian harta warisan negara. Selain itu, MAIN boleh mewujudkan program 'celik harta wakaf' bersama komuniti setempat untuk mendapatkan sokongan dan pemahaman meluas

mengenai usaha ini daripada masyarakat.

Bagi memastikan wujud pelan pemuliharaan dan pembangunan komprehensif, MAIN atas nasihat JWN perlu memastikan harta wakaf dikedikan dan dipelihara dengan sempurna sambil membolehkan akses sesuai untuk pengunjung atau masyarakat setempat.

Contohnya, Masjid Kapitan Keling di Pulau Pinang, disenaraikan sebagai bangunan warisan oleh JWN. Masjid ini adalah contoh, bagaimana bangunan wakaf menjadi tumpuan ramai dapat dipelihara supaya terus dalam keadaan baik.


Usaha pendidikan dan kesedaran perlu dijalankan untuk menyampaikan nilai serta kepentingan harta wakaf sebagai warisan dunia kepada masyarakat setempat dan antarabangsa.

Bermakna, penting untuk MAIN memastikan dokumentasi dan fizikal harta wakaf mencapai piawaian Badan Warisan Malaysia kerana apabila harta wakaf diiktiraf sebagai warisan negara, sumber kewangan mencukupi akan diperuntukkan pihak berwajib.

Oleh itu penting, untuk MAIN merangka strategi memfokuskan kepada pendaftaran harta wakaf sebagai warisan negara ke dalam Daftar Warisan Kebangsaan.

Pengjagaan harta wakaf dari aspek maqasid syariah juga sangat penting supaya ia tidak hanya mengekalkan warisan berharga untuk generasi akan datang, tetapi membuka pintu kepada peluang baharu untuk pertumbuhan dan kemajuan berkekalan.

Apabila harta wakaf yang wujud diiktiraf sebagai harta warisan, harta wakaf ini akan turut dipelihara dalam aspek dokumentasi melalui kajian ilmiah, sekali gus mengangkat martabat Islam dan umatnya.



BERITA HARIAN_14 FEBRUARI
2024_PG.12_PENILAIAN KRITIS FAKTA
SEBELUM BUAT KESIMPULAN ELAK
SALAH TANGGAPAN

BERITA HARIAN_13 FEBRUARI
2024_PG.11_HARTA WAKAF TERPILIH
WAJAR DIKTIRAF WARISAN DUNIA



اُنِيُوَرْسِيْتِي تِيَكْنُوْلُوْجِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN TAHUNAN 2024

PTAR CAWANGAN PERAK